

Isu tetapkan tukaran ringgit: Dr. M bidas IMF

UM 12 DEC 2002

PUTRAJAYA 11 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana terus-terusan mendesak Malaysia berhubung isu penetapan kadar tukaran ringgit kepada dolar Amerika.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak faham kenapa badan dunia itu hendak mengaitkan pula soal kestabilan negara ini dengan langkah tersebut.

Katanya, walaupun langkah Malaysia itu diterima sebagai alternatif untuk menangani krisis kewangan, namun beliau kesal kerana IMF masih beranggapan bahawa cara terbaik ialah kembali kepada sistem asal yang ditentukan oleh pasaran.

“Pada akhirnya mereka (IMF) akan mengatakan kita tidak perlu lagi meneruskan langkah penetapan kadar tukaran mata wang supaya ia dapat ditentukan oleh spekulator mata wang.

“Anda tahu apa yang berlaku kepada kita sewaktu nilai mata wang ditentukan oleh para spekulator,” katanya yang juga Menteri Kewangan selepas melancarkan buku *In The Time of The Mishmish: A Painting in The Twenty Parts* di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas laporan terbaru IMF yang mengesahkan ekonomi Malaysia sedang mengalami pemulihan daripada kesan kegawatan sejagat tahun lalu.

Dalam laporan itu, beberapa pengarah IMF bagaimanapun mempersoalkan tindakan Malaysia meneruskan dasar tambatan ringgit kepada dolar Amerika yang diperkenalkan sejak 1997.

Perdana Menteri berkata, para spekulator mata wang tidak berminat dengan kestabilan negara.

“Jadi mereka mahu nilai mata wang turun naik supaya boleh buat untung, mereka tidak berminat dengan ekonomi negara kita,” katanya.

Justeru tegas beliau, penetapan kadar tukaran mata wang pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika akan diteruskan melainkan berlaku sesuatu kejadian buruk yang menjelaskan nilai tambatan itu.

Katanya, antara situasi yang dipertimbangkan ialah nilai mata wang negara jiran merosot teruk atau melambung naik sehingga tidak menguntungkan perdagangan dua hala.

IMF hari ini juga mengesahkan bahawa ekonomi Malaysia sedang mengalami pemulih-

han daripada kesan kejatuhan ekonomi sejagat tahun lalu.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak mempunyai peruntukan untuk menampung sepenuhnya kos perubatan yang semakin tinggi.

Beliau juga berkata, kos insurans kesihatan yang tinggi sekarang adalah berdasarkan kos rawatan perubatan semasa.

“Hospital kerajaan masih lagi menampung kos perubatan dan menyediakan perkhidmatan percuma tetapi terdapat ubat yang mahal.

“Ada ubat berharga antara RM10 dan RM20 sebiji dan pesakit terpaksa mengambil empat kali sehari selama lima hari, tentu kita tidak mampu menyediakannya,” katanya ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai premium kesihatan yang tinggi yang dikenakan oleh syarikat insurans.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak perlu menjalankan tanggung-jawab sosial termasuk hospital swasta boleh menyediakan potongan harga kepada pesakit.